



JABATAN / CAWANGAN: _____

PERAKUAN TERMAKLUM

1. **Bimbingan** merupakan proses kerjasama dua hala antara anda dengan AKRAB bagi membantu anda menyelesaikan isu-isu yang mengganggu kehidupan anda, seterusnya membolehkan anda mencapai matlamat dalam kehidupan. Bagi memastikan sesi kaunseling/bimbingan menjadi lebih efektif, adalah penting untuk anda memberikan kerjasama sebaiknya dalam melancarkan perjalanan proses kaunseling/bimbingan.
2. **Jangkamasa Sesi:** Tempoh masa bagi satu sesi bimbingan individu ialah selama 45 minit. Walau bagaimanapun, sesi boleh dijalankan sama ada lebih atau kurang dari tempoh tersebut bergantung kepada perbincangan anda dengan AKRAB.
3. **Kerahsiaan:** Sebarang isu/maklumat yang dibincangkan dalam sesi bimbingan ini adalah rahsia dan tidak akan didedahkan secara terperinci kepada mana-mana pihak tanpa persetujuan daripada anda, **kecuali:**
 - a) Bagi kes rujukan, satu laporan ringkas akan dikemukakan kepada Ketua Jabatan yang merujuk;
 - b) Keadaan yang didapati boleh mendatangkan bahaya dan kemudaratan kepada diri anda atau kepada orang lain; dan
 - c) Keadaan yang terbukti telah berlaku pelanggaran undang-undang, peraturan negara dan organisasi yang sedia ada seperti jenayah dan sebagainya.
4. **Tanggungjawab AKRAB:**
 - a) AKRAB bertanggungjawab mengutamakan kepentingan klien, sama ada klien individu atau klien korporat (organisasi).
 - b) AKRAB hendaklah menghormati privasi klien dan merahsiakan segala maklumat yang diperolehi semasa sesi bimbingan melainkan maklumat itu akan membahayakan klien atau orang di persekitarannya.
 - c) AKRAB hendaklah memahami dan menghormati latar belakang sosio-budaya klien.
5. **Tanggungjawab Klien:**
 - a) Menghadiri sesi seperti yang ditetapkan dengan persetujuan bersama.
 - b) Memberi kerjasama semasa sesi dijalankan.
 - c) Berusaha untuk mengatasi masalah/isu yang dikemukakan.
 - d) Sekiranya tidak dapat menghadiri sesi, sila maklumkan kepada AKRAB sebelum temujanji diadakan (24 jam/1 hari sebelum).
 - e) Berhak untuk menarik diri daripada sesi atau meminta dirujuk kepada AKRAB, Pegawai Psikologi dan profesional lain sekiranya berasa tidak selesa dengan AKRAB anda.
6. **Konsultasi:** Sebarang isu/maklumat yang diutarakan/diperkatakan dalam sesi bimbingan ini berkemungkinan akan dibincangkan secara rahsia dengan AKRAB, Pegawai Psikologi dan profesional yang lain, tanpa mendedahkan identiti anda. Ini bertujuan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada anda.

Saya telah membaca, memahami dan telah diberi peluang untuk bertanya mengenai polisi ini dengan AKRAB saya. Dengan ini, saya bersetuju dengan perkara-perkara yang terkandung dan sedia bertanggungjawab terhadap apa jua implikasi dalam perakuan termaklum ini.

Tandatangan Klien :

Tandatangan AKRAB:

Nama :

Nama :

Tarikh :

Tarikh :